# BUKU RAMALAN SPM TERBAIK!



PASTI SKOR .COM.MY

# EKONOMI



# Hi! Selamat Datang Ke PastiSkor

1. Buku ini disediakan melalui analisis soalan-soalan SPM sebenar, soalan-soalan percubaan SPM 2023 dan input guru yang berwibawa.

   Hanya soalan-soalan yang penting, mungkin berulang dan mempunyai peluang yang tinggi untuk keluar dalam SPM disediakan dalam buku ini.

2. Buku ini mengandungi **Ramalan SPM 2023**, **Satu set soalan objektif** dan **Tiga(3) set soalan kertas 2** dengan **jawapan lengkap**.

3. Cara menggunakan buku ini :

## Langkah 1

Beri tumpuan pada topik-topik ramalan yang disertakan dalam buku ini.

## Langkah 2

Sila jawab semua soalan dan semak jawapan anda dengan skema pemarkahan yang disertakan.

**Semoga Berjaya**
**Daripada Semua Tenaga Pengajar Di Pastiskor!!**

# RAMALAN EKONOMI TAHUN 2023

## TINGKATAN 4

### Bab 1: Definisi Ekonomi

**Unit Ekonomi**

- Keluk kemungkinan Pengeluaran
- Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas
- Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi

*** Sistem Ekonomi Campuran**

### Bab 2: Pasaran

- Hukum Permintaan

*__Fokus pada Keluk & Penentu Permintaan__

- Hukum Penawaran

*__Fokus pada Keluk & Penentu Penawaran__

*** Fokus pada formula Keanjalan Harga**

### Bab 3: Wang, Bank dan Pendapatan Individu

- **Kelemahan Sistem Barter**

Fungsi Bank Pusat dan Bank Perdagangan

- **Penggunaan Pendapatan Individu**
- **Faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan**

Potongan wajib & Pengiraan cukai pendapatan perseorangan

- **Belanjawan peribadi**

### Bab 4: Pengeluaran

- Konsep pengeluaran

*__Pengiraan TP, AP, MP, FC, VC, TC, AVC, AC & MC__

- Pengiraan Jumlah Hasil & Untung

***Faktor mempengaruhi Produktiviti**

***Eksternaliti**

PASTISKOR 2023

# TINGKATAN 5

## Bab 1: *Peranan Kerajaan untuk Mencapai Objektif Makroekonomi

Barang Awam & Barang Sosial

## Bab 2: Penunjuk Ekonomi

- Indeks Harga Pengguna
- ***Inflasi & Jenis-jenis Inflasi**
- **Jenis-jenis Pengangguran**

## Bab 3: Alat Dasar Ekonomi

- Dasar Fiskal
- ***Jenis-jenis Cukai Langsung dan Tidak Langsung**
- ***Dasar Kewangan**

## Bab 4: Globalisasi

- *__Ciri-ciri Globalisasi__
- ***Faktor Penggalak Globalisasi**

## Bab 5: Perdagangan Antarabangsa

- *__Sebab-sebab wujud perdagangan antarabangsa__
- ***Kesan Tarif, Subsidi dan Kuota**

## Bab 6: Imbangan Pembayaran

- ***Komposisi eksport, barang Nampak & tak Nampak**
- ***Komposisi import, barang Nampak & tak Nampak**
- Akaun Semasa dalam Imbangan Pembayaran
- Defisit dalam Lebihan Akaun Semasa

## Bab 7: Kadar Pertukaran Asing

- *__Kepentingan pertukaran asing__
- ***Faktor Mempengaruhi Permintaan & Penawaran Mata Wang Asing**

PASTISKOR 2023

# ANALISIS SOALAN-SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023

| [redacted] | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kluang (JB) | -faktor pengeluaran<br>-sistem ekonomi<br>-keluk keseimbangan pasaran<br>-Keanjalan permintaan | -fungsi wang<br>-keperluan dan kehendak<br>-kaedah pengeluaran | -eksternaliti negatif<br>-indeks harga pengguna<br>-sekatan perdagangan antarabangsa<br>-kadar pertukaran asing | -peranan kerajaan | -ketidakstabilan ekonomi<br>-dasar fiskal | -alat dasar kewangan<br>-fungsi bank negara malaysia | -sekatan perdagangan antarabangsa |
| Kedah | -faktor pengeluaran sistem ekonomi<br>-keluk kemungkinan pengeluaran<br>-Keanjalan harga permintaan | -fungsi wang<br>-belanjaan peribadi<br>-kos pengeluaran<br>-faedah sosial | -jenis penganjuran<br>-kadar cukai<br>-penentu permintaan mata wang | -kaedah pembayaran<br>-penggunaan e-wallet | -jenis perbelanjaan kerajaan<br>-pasaran barang | -sektor komoditi | -barang kawalan |
| N9 | -faktor pengeluaran<br>-ekonomi Islam<br>-masalah ekonomi<br>-penawaran pasaran | -konsep pelaburan<br>-fitur ekonomi<br>-jenis input<br>-kos sosial | -KONK<br>-alat dasar kewangan<br>-ciri-ciri syarikat<br>-kadar pertukaran asing | -sistem ekonomi | -belanjaraan peribadi | -kadar pertukaran asing | -pelaburan langsung asing |

PASTISKOR SPM

# ANALISIS SOALAN-SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pahang | -sumber ekonomi<br>-sistem ekonomi pasaran bebas<br>-keluk permintaan<br>-ke jalan harga permintaan | -fungsi wang<br>-mudharabah<br>-masalah pengangguran<br>-pengeluaran jangka pendek | -jenis pengangguran<br>-perbelanjaan kerajaan<br>-pelaburan langsung asing<br>-sekatan perdagangan | -ketidakstabilan ekonomi | -faktor pemilihan pekerjaan | -pertumbuhan ekonomi | -hasil cukai |
| Putrajaya | -faktor pengeluaran sistem ekonomi<br><br>-penentu permintaan | -fungsi wang<br>-belanjaraan peribadi<br>-kemudahan pembayaran<br>-kos pengeluaran | -tarif<br>-subsidi<br>-pelaburan langsung asing<br>-kadar pertukaran asing | -masalah ekonomi | -jenis pendapatan | -jenis inflasi | -jenis pengangguran |
| Terengganu | -keluk kemungkinan pengeluaran<br>-hukum permintaan<br>-keanjalan harga penawaran | -kaedah pembayaran<br>-fungsi pengeluaran jangka pendek<br>-kos sosial | -kadar inflasi<br>-perbelanjaan mengurus<br>-jenis imbangan akaun<br>-kadar pertukaran asing | -faktor pengeluaran | -jenis pelaburan | -jenis perbelanjaan kerajaan | -syarikat multinasional |

PASTISKOR SPM

# ANALISIS SOALAN-SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kelantan | -keluk kemungkinan pengeluaran<br>-sistem ekonomi<br>-masalah asas ekonomi<br>-hukum penawaran<br>-keanjalan harga penawaran | -jenis akaun<br>-strategi simpanan<br>-fungsi pengeluaran<br>-faktor mempengaruhi produktiviti | -krisis ekonomi<br>-sekatan perdagangan<br>-kadar pertukaran asing | -barang kawalan | -permintaan | -situasi ekonomi | -komposisi dagangan |

PASTISKOR SPM

## SET 1

## KERTAS 1

Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan.

1. Kos lepas peringkat kerajaan adalah

A. kebajikan yang diperoleh daripada projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan untuk mendapat projek pembangunan yang terpilih
B. kebajikan yang diperoleh daripada projek pembangunan terbaik yang terpaksa dilepaskan
C. pembangunan yang terpilih keuntungan yang diperoleh daripada keluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan untuk mendapat keluaran yang terpilih
D. kepuasan yang diperoleh daripada barangan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan untuk mendapat barangan yang terpilih

2. Apakah kelebihan sistem ekonomi perancangan pusat berbanding sistem kapitalis?

A. Barang awam dan kebajikan masyarakat
B. Menggalakkan perkembangan teknologi dan inovasi
C. Kecekapan dalam penggunaan sumber
D. Kepuasan individu dimaksimumkan

3. Segala aktiviti dan keputusan ekonomi haruslah berdasarkan syariat Islam. Apakah ciri lain sistem ekonomi ini?

A. Individu tidak bebas memiliki sumber kekayaan
B. Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat
C. Golongan kaya dapat lebih banyak barang berbanding dengan golongan miskin
D. Pengeluar mengeluarkan untuk memperoleh keuntungan sehingga menindas golongan lain





4. Pernyataan yang manakah menggambarkan

A. bentuk keluk permintaan?
B. Mencerun ke bawah dari kiri ke kanan B Mencerun ke bawah dari kanan ke kiri
C. Mencerun ke atas dari kiri ke kanan
D. Mencerun ke atas dari kanan ke kiri

5. Rajah menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran bagi pendingin hawa.




Apakah faktor yang menyebabkan titik keseimbangan $E_0$ beralih ke $E_1$?

A. Peningkatan harga barang itu
B. Fenomena El Nino melanda Malaysia
C. Pemberian subsidi kepada pengeluar pendingin hawa
D. Peningkatan teknologi dalam pengeluaran pendingin hawa

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan keanjalan permintaan bagi suatu produk.

| |
|---|
| Nilai keanjalan $E_d$ kurang daripada satu ($E_d$ <1) |
| Contoh barang adalah barang keperluan |

Pernyataan yang manakah menerangkan keanjalan tersebut?

A. Peratus perubahan kuantiti lebih kecil berbanding dengan peratus perubahan harga
B. Peratus perubahan kuantiti lebih besar berbanding dengan peratus perubahan harga
C. Pengeluar menurunkan harga untuk menambahkan jumlah hasil
D. Keluk permintaan tersebut adalah anjal

7. Jadual menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti ikan diminta

| Harga (RM) | Kuantiti ikan diminta (kg) |
|---|---|
| 4 | 20 |
| 6 | 10 |

Jika harga meningkat daripada RM 4 kepada RM 6, berapakah nilai keanjalan harga permintaan?

A. 0.5
B. 1.0
C. 1.5
D. 2.0

8. Bank pusat menjalankan tugas jurubank kepada kerajaan. Pernyataan yang manakah menerangkan fungsi bank pusat mengurus hutang negara?

A. Bank pusat bertindak sebagai penasihat kerajaan dalam aktiviti pelaburan
B. Bank pusat mengurus penerimaan dan pembayaran bagi pihak kerajaan
C. Bank pusat memberi pendahuluan
D. Bank pusat menjual surat jaminan kerajaan

9. Pernyataan manakah menerangkan fungsi bank perdagangan?

A. Menjaga rizab berkanun
B. Mengawal kestabilan nilai mata wang
C. Memperoleh pinjaman bagi pihak kerajaan
D. Menerima dan membuat bayaran bagi pihak pelanggan

10. Pemilik akaun simpanan semasa

A. boleh mengeluarkan wang lebih daripada baki dalam akaun
B. tidak dikenakan caj perkhidmatan
C. dibayar faedah atas baki simpanan
D. diberi sijil simpanan



**PASTISKOR SPM**
**“Bijak berusaha, pasti berjaya”**

11. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Jana Utama.

Syarikat Jana Utama mengeluarkan 9500 pasang kasut dan menjualnya dengan harga RM 48 sepasang.

Kos pengeluaran syarikat ialah:

| | |
|---|---|
| Kos bahan mentah | RM 92 400 |
| Upah buruh | RM 42 800 |
| Sewa bangunan | RM 16 500 |
| Bil elektrik, air dan telefon | RM 18 200 |

Berapakah jumlah untung Syarikat Jana Utama pada bulan tersebut?

A. RM169 900
B. RM286 100
C. RM350 800
D. RM456 000

12. Pernyataan manakah yang betul berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran?

A. Ekonomi boleh mengeluarkan pelbagai jenis barang
B. Sumber ekonomi yang dimiliki adalah tidak terhad
C. Titik kombinasi pengeluaran yang berada di luar Keluk Kemungkinan Pengeluaran menunjukkan masalah ketidakupayaan ekonomi
D. Titik kombinasi pengeluaran yang berada di dalam Keluk Kemungkinan Pengeluaran menunjukkan ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh

13. Apakah kesan kepada keseimbangan pasaran jika pendapatan individu meningkat melebihi peningkatan harga faktor pengeluaran?
A. Harga barang akan meningkat.
B. Kuantiti keseimbangan mengalami penurunan.
C. Peralihan keluk permintaan dan penawaran akan beralih ke kanan.
D. Tingkat keseimbangan pasaran baharu tidak dapat ditentukan dengan tepat.

14. Pernyataan manakah menunjukkan persamaan antara deposit tabungan dan deposit semasa di bank perdagangan?

    I. Disediakan buku akaun simpanan
    II. Pengeluaran wang pada bila-bila masa
    III. Kemudahan menggunakan kad ATM
    IV. Boleh memohon kemudahan overdraf

    A. I dan III
    B. I dan IV
    C. II dan III
    D. II dan IV

15. Fungsi pengeluaran jangka pendek ialah

    A. Belanja yang ditanggung olef firma dalam proses pengeluaran output
    B. Perubahan jumlah keluaran akibat perubahan dalam satu unit input berubah
    C. Jumlah output yang dihasilkan oleh firma apabila digabungkan semua input pengeluaran
    D. Menunjukkan hubungan antara input berubah dengan output pada suatu tingkat input tetap.

16. Gambar menunjukkan keseimbangan pasaran. Pernyataan manakah yang betul tentang gambar di bawah?




    A. Pada harga RM3 berlaku lebihan penawaran sebanyak 18 unit
    B. Pada harga RM2 berlaku ketidakseimbangan pasaran
    C. Harga yang lebih rendah daripada harga keseimbangan wujud lebihan permintaan sebanyak18 unit
    D. Lebihan penawaran semakin kecil apabila harga RM3 menuju keseimbangan pasaran





17. Indeks harga pengguna pada tahun 2018 ialah 104.2 berbanding dengan 101.5 pada tahun 2017. Kadar inflasi pada tahun 2018 ialah

    A. 1.5%
    B. 2.66%
    C. 3.85%
    D. 4.2%

18. Maklumat berikut menunjukkan produk dan kombinasi pengeluaran bagi sebuah firma.

| **Produk** | **Kombinasi Pengeluaran** | |
|---|---|---|
| | **P** | **Q** |
| Coklat<br>Biskut | 110 unit<br>95 unit | 160 unit<br>40 unit |

Berapakah kos lepas sekiranya kombinasi pengeluaran berubah dari P ke Q?

    A. 110 unit coklat
    B. 95 unit biskut
    C. 55 unit biskut
    D. 50 unit coklat

19. Maklumat di bawah berkaitan faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan.

> Pandemik Covid-19 telah menjadi punca ramai pekerja swasta kehilangan pekerjaan. Keadaan ini telah menyebabkan, remaja yang sedang mencari pekerjaan beralih ke sektor awam yang menawarkan pekerjaan tetap sehingga bersara.

Apakah faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan remaja di atas?

    A. Jaminan Kerja
    B. Suasana tempat kerja
    C. Faedah Sampingan
    D. Lokasi Tempat kerja



PASTISKOR SPM
PASTISKOR SPM

20. Pernyataan yang manakah betul tentang keluk permintaan individu?

A. Kecerunan lebih curam daripada keluk permintaan pasaran
B. Menunjukkan keluk yang mencerun ke bawah dari kanan ke kiri
C. Penurunan harga barang itu menyebabkan keluk beralih ke kanan
D. Hubungan di antara harga dan kuantiti diminta adalah secara positif

21. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu kemahiran yang dapat mempengaruhi jumlah pendapatan individu

| | |
|---|---|
| N | ❖ Komunikasi<br>❖ Membimbing |

N ialah kemahiran

A. Sumber
B. Interpersonal
C. Informasional
D. Sistem dan teknologi

22. Apakah kesannya jika kadar pertukaran asing berubah dari USD 1 = RM 4.80 tahun 2020 kepada USD 1 = RM 4.15 tahun 2021?

A. Nilai Ringgit Malaysia semakin merosot berbanding tahun sebelumnya.
B. Harga relatif eksport Malaysia akan lebih murah tahun 2021.
C. Permintaan ke atas barang import akan meningkat.
D. Kedudukan imbangan pembayaran negara akan bertambah baik.

23. Dasar fiskal mempengaruhi aktiviti ekonomi dengan

A. Kadar faedah dan kadar cukai
B. Kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan
C. Kadar faedah dan kadar rizab berkanun
D. Perbelanjaan kerajaan dan kadar rizab berkanun





24. Antara berikut, yang manakah merupakan perbelanjaan pembangunan kerajaan?

I. Pemberian subsidi kepada nelayan
II. Pembinaan hospital kerajaan di negeri Sarawak
III. Pembelian pesawat tentera untuk Angkatan Tentera Malaysia
IV. Pembayaran pencen kepada pegawai kerajaan yang telah bersara

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

25. Maklumat di bawah berkaitan dengan akaun semasa

**Malaysia catat lebihan akaun semasa tertinggi RM 62.1 billion**

Kuala Lumpur: Malaysia mencatatkan lebihan akaun semasa sebanyak RM 62.1 billion pada 2020, yang tertinggi dalam tempoh sembilan tahun.

Sumber: Ubahsuai daripada Sinar Harian online 11 Februari

Apakah faktor yang menyebabkan keadaan berikut?

A. Peningkatan penerimaan pendapatan primer dan sekunder
B. Permintaan yang rendah untuk eksport
C. Permintaan yang tinggi untuk import
D. Produktiviti menurun

26. Apakah kesan pengangguran terhadap ekonomi negara?

A. Ketidakcekapan dalam pengeluaran barang
B. Peningkatan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat.
C. Wujud banyak masalah kes jenayah seperti rompakan dalam negara.
D. Menimbulkan masalah kekeluargaan dalam organisasi setempat.

27. Gambar 4 menunjukkan faktor pengeluaran.



Antara berikut, yang manakah ciri-ciri buruh dalam gambar tersebut?

I. Berpendidikan tinggi
II. Sanggup menanggung risiko
III. Mobiliti buruh adalah tinggi
IV. Tidak memiliki kemahiran professional

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

28. Apakah faedah sosial yang akan timbul apabila kerajaan negeri menggalakkan penggunaan lebih banyak basikal di Pulau Pinang?

A. Kos pengangkutan yang lebih tinggi
B. Kadar pengangguran yang rendah
C. Kadar kesesakan lalu lintas yang rendah
D. Kadar pencemaran udara yang lebih tinggi

29. Situasi yang manakah betul berkaitan cukai langsung yang diterima kerajaan?

A. Ali seorang pengeksport kelapa sawit membuat bayaran untuk mengeksport kelapa sawit ke India.
B. Fatimah perlu membuat potongan bulanan kepada LHDN kerana gaji diterimanya melebihi nilai yang telah ditetapkan.
C. Kassim perlu membayar duti kerana membeli kenderaan yang diimport dari luar negara.
D. Sulaiman perlu membelanjakan bayaran levi kerana menggunakan pembantu rumah dari Indonesia.





30. Antara berikut, yang manakah merupakan tindakan kerajaan mengawal eksternaliti negatif?

A. Memberi subsidi kepada pengeluar automobil tempatan
B. Mengenakan cukai yang tinggi untuk pembeli kereta elektrik
C. Mengurangkan cukai penggunaan untuk produk minyak seperti gasoline dan diesel
D. Memberi insentif subsidi untuk pengeluar yang mengunakan teknologi hijau

31. Urus niaga manakah menerangkan eksport Malaysia?

A. Syarikat Beautiful membeli kosmetik dari negara Korea
B. Puan Dora membeli sebentuk cincin intan Ketika melancong di Afrika
C. Malaysia membeli kayu jati dari Indonesia, memproses, dan menjual ke negara Eropah
D. Pengeluar sabun Jepun membeli minyak mentah sawit dari sebuah syarikat di negeri Johor

32. Pernyataan yang manakah menerangkan sekatan kuota dengan tepat?

A. Mendatangkan hasil cukai kepada kerajaan
B. Mengurangkan kuantiti penawaran barang import tanpa ubah harga
C. Mengehadkan jumlah barang yang boleh diimport dalam tempoh tertentu
D. Merupakan bantuan kewangan yang diberi oleh kerajaan kepada pengeluar tempatan

33. Imbangan dagangan cenderung menjadi defisit disebabkan oleh pertambahan

A. barang import dari luar negara
B. pelaburan asing ke dalam negara
C. kiriman wang pekerja asing ke negaranya
D. kemasukan pelancong asing ke dalam negara



PASTISKOR SPM
PASTISKOR SPM